



PEKELILING AKADEMIK BILANGAN 12/2020

PENANGGUHAN KEMASUKAN PELAJAR SECARA BERSEMUKA (BAHARU DAN LAMA) DARI NEGERI SABAH, KAWASAN ZON MERAH COVID-19 DAN INDIVIDU DENGAN SEJARAH PERJALANAN KE NEGERI SABAH DAN ZON MERAH BAGI UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

Dengan segala hormatnya perkara di atas dirujuk, Kenyataan Media yang dikeluarkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi bertarikh 27 September 2020 dan surat edaran Kementerian Kesihatan Malaysia bertarikh 25 September 2020 adalah berkaitan.

2. Pekeling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada warga UMK berkenaan dengan penangguhan kemasukan pelajar bagi kategori berikut:

Bil	Kategori	Tindakan Penangguhan
1.	Pelajar Baharu dan Lama dari Negeri Sabah	Proses pendaftaran dan pembelajaran bagi kumpulan pelajar terbabit hendaklah dilakukan secara dalam talian dan kembali pulang ke UMK mengikut prosedur sedia ada setelah keadaan kembali pulih bagi negeri Sabah dan zon merah.
2.	Pelajar Baharu dan Lama dari Zon Merah (Sila rujuk Laman Rasmi KKM untuk mengemaskini Status Zon)	Menangguhkan kemasukan ke UMK selama 14 hari sejalan dengan arahan Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan (JKNK)
3.	Pelajar Baharu dan Lama yang mempunyai sejarah perjalanan ke Negeri Sabah dan Zon Merah dalam masa 14 hari sebelum tarikh pendaftaran	

3. Dilampirkan bersama adalah Kenyataan Media daripada pihak Kementerian Pengajian Tinggi untuk makluman.

4. Bagi para pelajar yang bukan dari kawasan Zon Merah, kemasukan ke UMK adalah kekal sepertimana yang dijadualkan dan perlu mematuhi Garis Panduan Pengurusan dan Pelaksanaan Operasi Kemasukan Pelajar yang berkuatkuasa.

5. Sehubungan dengan itu, Semua Ketua Pusat Tanggungjawab dan mahasiswa UMK dinasihatkan supaya mengambil langkah waspada dalam mencegah risiko penularan wabak COVID-19 di UMK. Segala perhatian dan kerjasama yang diberikan amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, harap maklum.

“RAJA BERDAULAT, RAKYAT MUAFAKAT, NEGERI BERKAT”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”


Saya yang menjalankan amanah,

PROF. DR. MOHD RAFI BIN YAACOB

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

28 SEPTEMBER 2020

- | | | |
|------|---|--|
| s.k. | - | Naib Canselor |
| | - | Timbalan Naib Canselor – Timbalan Naib Canselor |
| | - | Pendaftar |
| | - | Semua Dekan/ Pengarah Pusat Pengajian |
| | - | Timbalan Pendaftar Bahagian Pentadbiran Akademik |



KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

KENYATAAN MEDIA

PENANGGUHAN KEMASUKAN PELAJAR (BAHARU DAN LAMA) DARI KAWASAN ZON MERAH COVID-19 KE IPT

Berikutan peningkatan kes COVID-19 di beberapa daerah di negara ini, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) telah menyarankan kepada semua Institusi Pengajian Tinggi (IPT) untuk menangguhkan dahulu urusan pendaftaran kemasukan pelajar baharu dan lama dari kawasan zon merah secara bersempua di kampus masing-masing, yang dijadualkan bermula Oktober ini.

Proses pendaftaran dan pembelajaran bagi kumpulan pelajar terbabit bolehlah dilakukan secara dalam talian. Para pelajar boleh pulang ke kampus masing-masing mengikut Prosedur Operasi Standard (SOP) sedia ada setelah keadaan kembali pulih.

Bagi pelajar yang bukan dari kawasan zon merah, kemasukan ke IPT kekal mengikut kalender akademik IPT masing-masing. Sebarang pertanyaan berkaitan pergerakan balik ke kampus serta sesi pengajaran dan pembelajaran boleh dirujuk terus kepada IPT masing-masing.

KPT sekali lagi menegaskan bahawa semua IPT telah diarah untuk memastikan pelaksanaan aktiviti akademik di kampus mematuhi sepenuhnya SOP yang ditetapkan dan mengutamakan langkah-langkah keselamatan. Pada masa yang sama, kementerian ingin menasihatkan pelajar supaya terus mengambil langkah pencegahan seperti kerap mencuci tangan, memakai pelitup muka dan mengamalkan penjarakan fizikal.

DATO' DR. NORAINI AHMAD
Menteri Pengajian Tinggi

27 September 2020